

21/10/2003

Laluan LTdL 2004 lebih sukar

Zairee Zahir

LALUAN kayuhan edisi kesembilan Le Tour de Langkawi 2004 (LTdL) sebanyak 10 peringkat membabitkan jarak sejauh 1,250.9km, 6-15 Februari depan disusun lebih sukar dengan jersi kuning pendahulu dijangka bertukar tangan sebanyak empat kali.

Selain aksi saingan yang diramal lebih sengit, jelajah berbasikal terulung Asia yang menawarkan hadiah wang tunai RM1.6 juta itu juga akan menyusuri lapan negeri di Pantai Barat Semenanjung, selain memperkenalkan empat venue permulaan dan penamat yang baru - Bayan Baru, Raub, Pontian dan Hulu Kelang.

Pengarah Eksekutif First Cartel, Abdullah Kamal Shafi'i berkata, berdasarkan faktor itu serta keunikan perlumbaan yang dikekalkan, LTdL dijangka berlangsung lebih meriah dan mampu menarik banyak pasukan profesional handalan dunia.

"First Cartel memasukkan elemen cabaran yang pelbagai tetapi lebih sengit dan terbuka bagi memberi peluang buat pelumba pecut, pakar mendaki dan pakar ujian masa memegang jersi kuning. Sebab itulah kami merangka laluan yang pelbagai pada edisi akan datang, membabitkan laluan landai, pendakian sederhana, pendakian sukar, laluan menuruni bukit curam dan ujian masa individu.

"Menjadi hasrat kami untuk menganjurkan perlumbaan terbaik tahun depan sebagai hadiah persaraan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga penaung LTdL kerana visi dan usahanya membawa acara ini ke kedudukan paling tinggi ketika ini," katanya di majlis pelancaran laluan LTdL 2004 di Kementerian Belia dan Sukan (KBS), semalam.

Majlis pelancaran laluan itu disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Talaat Husain. Turut hadir ialah Timbalan Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF), Datuk Naim Mohamad.

Edisi kesembilan LTdL 2004 yang kekal berstatus 2.2 dalam kalendar perlumbaan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) akan bermula dengan kayuhan peringkat pertama di Penang International Sports Arena (PISA) dan berakhir pada peringkat ke-10 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Antara laluan getir yang bakal menyaksikan perebutan sengit jersi kuning pendahulu ialah peringkat kedua Ipoh-Tanah Rata, Tapah-Raub (peringkat 3), ujian masa individu di Melaka (peringkat 5) dan kayuhan mendaki paling sukar Menara Telekom KL - Genting Highlands (peringkat 9).

Abdullah Kamal berkata, acara ujian masa individu yang sebelum ini menjadi peringkat pembuka tirai di Pulau Langkawi, sengaja diubah ke pertengahan jarak laluan di Melaka bagi memberi peluang buat pelumba pakar acara itu merampas jersi kuning.

Pada edisi kelapan 31 Januari - 9 Februari lalu, pelumba pasukan bahagian 3 Saturn dari Amerika Syarikat, Tom Danielson muncul juara keseluruhan manakala pasukan profesional bahagian 2, Selle Italia muncul juara berpasukan.

Iran pula memenangi kategori berpasukan Asia manakala pelumba Jepun, Tomoya Kano memenangi jersi biru selaku pelumba Asia terbaik.

Abdullah Kamal berkata, pihaknya sudah menghulur undangan secara lisan kepada beberapa buah pasukan profesional yang ditemui ketika berada di Hamilton, Kanada semasa Kejohanan Lebu Raya Sedunia dan Jelajah Lombardy, baru-baru ini.

"Masih terlalu awal untuk menyebut pasukan yang akan bertanding kerana First Cartel masih dalam proses mempromosi menarik penyertaan pasukan

ternama dari Eropah," katanya sambil menyebut pasukan campuran, Telekom Malaysia tidak dibenarkan mengambil bahagian mengikut peraturan baru UCI.

Dia menambah First Cartel juga akan berbincang dengan pihak penyiar sukan terkenal, Eurosports dan JskySports Japan untuk menyiarkan siaran secara langsung di kedua-dua saluran sukan berkenaan yang mempunyai rating dan jumlah penonton tinggi di Eropah dan Asia Pasifik.